## Lampiran 7: Keratan Akhbar Berkenaan BACA World 2015



# Content exhibition to raise the digital industry bar

By Ista Kyra Sharmugam
ista@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — For those curious about how pictures of a house and street can make it to Google Street View, the car with cameras used to snap the pictures will be one of the key exhibits at "Baca World 2015" at Kuala Lumpur Convention Centre.

The event from Jan 30 to Feb 1 is touted as the first digital content exhibition, featuring print publishers, digital application developers and multimedia content developers.

Malaysian Book Publishers Association (Mabopa) deputy president Ishak Hamzah said the event was a platform for digital industry players to get together and be involved in the rapidly increasing digital market

"Google Malaysia is among the exhibitors and will be displaying its Street View car," he said.

"There will be 100 exhibitors, including Multimedia Development Corporation Sdn Bhd and companies from the music, education and telecommunication industries."

Ishak said visitors would also get a chance to win smartphones and tablets in lucky draws and a best selfie contest.

"Part of our aim is to attract the younger generation, especially those between 20 and 35, who are the largest group of digital content consumers," he said.

"We have also invited primary and secondary schools in the Klang Valley to organise field trips during the exhibition."

Perbadanan Kota Buku chief executive officer Sayed Munawar said going digital would be the "game-changer" in the publishing industry.

"Value-added services in the form of digital content can raise the bar for the publishing industry and help to expand the market globally," he said.

"There is growing potential in the e-publishing sector and I predict that in the future, there will be a blurry distinction between books and multimedia content."

Sayed said, however, the country's infrastructure required a major upgrade to support the growing industry.

"Although we are ahead in terms of initiative, there is still a lot of room to improve the speed and bandwidth for internet infrastructure," he said.

"When this happens, local digital content creators and publishers will be able to move up the value chain."



# Pameran teroka gaya hidup digital

**Kuala Lumpur:** Fenomena gaya hidup digital dalam kalangan generasi baharu mencetus penganjuran pameran digital, BACA World 2015 buat julung kali di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, bermula 30 Januari hingga 1 Februari depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola BACA World 2015, Ishak Hamzah, berkata perubahan dunia masa kini yang beralih kepada gajet dan aplikasi teknologi canggih perlu disambut baik kerana ia membawa kesan ketara dalam kehidupan terutama bidang pendidikan, hiburan, gaya bacaan dan komunikasi.

Katanya, BACA World 2015 membawa masyarakat untuk meneroka dunia baharu apabila segala-galanya berada di hujung jari, manakala suntikan digital mempengaruhi gaya pemikiran dan wajah dunia pada hari ini serta masa depan.



*Dari kiri, Sahadevan, Abdul Ghafar, Ishak dan Sayed Munawar* ***pada sidang media BACA World 2015 di Kuala Lumpur,*** *semalom.*
[FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]

### Sasar 100,000 pengunjung

"Kami menyasarkan 100,000 pengunjung memeriahkan acara ini yang bakal mempertemukan pemain industri digital bersama produk masing-masing yang lebih mesra pengguna dan mudah dicapai," katanya pada sidang media BACA World 2015 di Perbadanan Kota Buku, Menara Maju, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Perbadanan Kota Buku (PKB), Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud; Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sayed Munawar Sayed Mustar dan Timbalan Presiden MAPOBA, Y Sahadevan.

Antara pempamer yang akan menampilkan produk ialah akhbar digital yang ditawarkan Kumpulan The New Straits Times (Press) Malaysia (M) Bhd (NSTP), iaitu *BH*, *Harian Metro* dan *New Straits Times* (*NST*).

Produk lain, *e-buku* keluaran penerbit buku terkemuka tanah air, perkhidmatan pinjaman buku dalam talian oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan carian popular, *Google Street View*.

### Kuasai dunia digital

Sementara itu, Sayed Munawar berkata, pemain industri buku perlu melihat kepada realiti dan bersedia menguasai dunia digital yang dijangka meluas dalam masa lima hingga 10 tahun akan datang.

Katanya, masa depan pemain industri buku dikhuatiri kelam jika mereka masih kekal dengan penerbitan buku bercetak tanpa melihat kepada realiti yang berlaku berikutan kepesatan industri digital.

"Bayangkan, kanak-kanak zaman sekarang yang hanya berumur tiga tahun sudah membaca menggunakan gajet seperti i-Pad dan 10 tahun akan datang apabila mereka sudah mempunyai kuasa beli, saya jangka kecenderungan memilih buku digital lebih tinggi," katanya.

Pameran digital itu akan diadakan tiga hari berturut-turut secara percuma, mulai jam 8 pagi hingga 8 malam kecuali pada Ahad yang ditutup jam 6 petang. Maklumat lanjut, layari laman web, *www.bacaworld.com.my*.



# Pameran digital BACA World

**KUALA LUMPUR** - Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa) akan menyajikan pameran eksklusif dan pertama di Malaysia menerusi Pameran Kandungan Digital BACA World 2015, 30 Januari hingga 1 Februari depan.

"BACA World disasarkan kepada semua kumpulan umur pelanggan dianjurkan untuk syarikat dari industri muzik, pendidikan, permainan, media, buku, majalah dan telekomunikasi mempamerkan produk dalam bentuk digital," menurut Mabopa dalam satu kenyataan, semalam.

Pameran BACA World 2015 yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, diyakini mampu mengubah cara orang ramai melihat dan mengurus gaya hidup masa kini.

Kata Mabopa, pempamer boleh berhubung dengan pelanggan dengan mengukuhkan jenama dalam pelbagai jenis peranti elektronik.